

17/03/2001

Chong sifatkan pelantikan tugas berat

KUALA LUMPUR, Jumaat - Menteri Pembangunan Pelancongan, Alam Sekitar, Sains dan Teknologi Sabah, Datuk Chong Kah Kiat, yang akan menggantikan Datuk Osu Sukam sebagai Ketua Menteri Sabah, menyifatkan pelantikan itu satu tanggungjawab berat.

Chong yang juga Presiden Liberal Demokratik (LDP) berkata, tugas utamanya kini ialah memastikan Barisan Nasional (BN) negeri terus kukuh.

"Perdana Menteri dan BN memberi saya tanggungjawab ini, ia adalah tanggungjawab berat iaitu untuk memastikan BN di Sabah akan terus diperkukuhkan," katanya selepas pengumuman pelantikan beliau oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dr Mahathir memberitahu sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi BN di Menara Dato' Onn di sini berkata, Chong akan menggantikan Osu mengikut sistem penggiliran yang dikekalkan dengan sedikit perubahan.

Menerusi perubahan kecil itu, Umno diberi satu lagi giliran untuk mengisi jawatan Ketua Menteri.

Ketika ini jawatan itu digilirkan di antara parti komponen BN yang mewakili Bumiputera Islam, Bumiputera bukan Islam dan masyarakat Cina.

Chong berkata, beliau akan bertemu Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN minggu depan bagi membincangkan perubahan kecil pada Kabinet negeri.

Katanya, tiada perubahan drastik akan dibuat memandangkan komposisi serta pembabitan kepemimpinan negeri di kalangan komponen parti BN di Sabah memuaskan.

"Apa yang kita perlu ialah sedikit perubahan. Saya akan bertemu Perdana Menteri dalam masa terdekat," katanya.

Chong juga menolak andaian pelantikan beliau akan menimbulkan rasa tidak puas hati memandangkan LDP hanya mempunyai dua kerusi Dewan Undangan Negeri Sabah.

"Saya bukan mewakili LDP, saya mewakili BN. Apa yang penting semua komponen parti dan kaum ada peranan, ia bukan soal menukar kerusi tetapi setiap kaum ada peranan.

"Ini bukan soal gembira tetapi soal tanggungjawab berat yang saya harap dapat saya laksanakan dengan sokongan parti komponen lain," katanya.

Chong berkata, apa yang penting sekarang ialah urusan pentadbiran di Sabah berjalan terus.

Ditanya apakah sistem penggiliran dengan sedikit perubahan itu akan mengganggu keseimbangan politik di Sabah, Chong berkata ia bukan sistem baru.

"Selepas tempoh ini kita berharap Umno akan ambil alih. Selepas itu kita akan mendapatkan mandat baru pada pilihan raya akan datang," katanya.

Beliau berkata, setiap parti komponen BN di Sabah sudah memberi pandangan masing-masing kepada Dr Mahathir dan mesyuarat hari ini memutuskan mengekalkan sistem penggiliran itu.

Sementara itu, Presiden Parti Maju Sabah (SAPP), Datuk Yong Teck Lee, berkata Dr Mahathir sudah mengambil kira pelbagai faktor sebelum membuat perubahan kecil terhadap sistem penggiliran itu.

Oleh itu, katanya, semua pihak harus menyokong keputusan Perdana Menteri dan pada masa sama memberi sokongan penuh kepada Chong sebagai Ketua Menteri Sabah baru.

"Dengan segala faktor dipertimbangkan, kami percaya Perdana Menteri sudah membuat keputusan muktamad dan ia harus disokong semua," katanya.

Yong berkata, Chong adalah seorang pemimpin berpengalaman yang pernah berkhidmat dalam kerajaan pada peringkat negeri dan persekutuan.

"Saya percaya parti komponen BN yang lain akan memberi sokongan padu kepada Ketua Menteri yang baru," katanya.

Dilahirkan di Kudat pada 2 Jun, 1948, Chong secara tidak langsung adalah seorang `survivor' dalam politik Sabah - beliau adalah pemimpin tunggal dari kerajaan Berjaya (1976-1985) yang berjaya melepasi pelbagai halangan ketika tempoh kekalutan itu dalam politik Sabah untuk muncul semula dengan jayanya.

Beliau memperolehi ijazah undang-undang dari Victoria University, New Zealand pada 1974 dan bertanding serta memenangi kerusi Kudat atas tiket Berjaya pada pilihan raya negeri Mac 1981.

Beliau dilantik Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri pada tahun berikut dan memegang jawatan itu hingga April 1985 apabila tewas kepada Datuk Wong Phin Chung dari Parti Bersatu Sabah (PBS).

Beliau sekali lagi tewas kepada Wong pada pilihan raya negeri 1986.

Pada Mac 1987, beliau menjadi anggota Majlis Tertinggi Berjaya tetapi kemudian meninggalkan parti itu apabila ternyata ia sudah hilang pengaruh.

Chong bersama beberapa pemimpin Cina kemudian mengasaskan Parti Liberal Demokratik (LDP) pada 1989 dan dilantik sebagai setiausaha agung sementara. Dua tahun kemudian beliau menjadi presiden parti itu.

Beliau tidak bertanding pada pilihan raya negeri 1994 tetapi setahun kemudian dilantik sebagai ahli Dewan Negara, dan Perdana Menteri melantik beliau sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Beliau meletak jawatan dari Kabinet Persekutuan pada Mac 1999 untuk bertanding pilihan raya negeri. Kali ini beliau memenangi semula kerusi Kudat.

LDP mempunyai satu kerusi - Kudat - dalam Dewan Negeri Sabah dan satu lagi kerusi dalam Dewan Rakyat - Sandakan.

(END)